



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**GURU (G.8)
JABATAN SEKOLAH - SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



GURU

JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

G.8 (\$1,600 - \$3,260 EB KHAS \$3,345 - \$3,685 SEBULAN)

KEKOSONGAN = EMPAT PULUH LIMA (45)

JUMLAH KEKOSONGAN:

- **BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH (16 KEKOSONGAN)**
- **BAHAGIAN PENDIDIKAN RENDAH (29 KEKOSONGAN)**

BIDANG:


- **ACCOUNTING**
- **BUSINESS**
- **BUSINESS AND FINANCE**
- **COMMUNICATION AND COMPUTER SYSTEMS ENGINEERING**
- **COMPUTER INFORMATION SYSTEMS**
- **COMPUTER NETWORK AND INFORMATION MANAGEMENT**
- **COMPUTER STUDIES**
- **COMPUTING**
- **COMPUTING AND SYSTEMS DEVELOPMENT**
- **ELECTRICAL AND ELECTRONICS ENGINEERING**
- **FINE ART**
- **HOSPITALITY MANAGEMENT**
- **INFORMATION SYSTEMS**
- **INFORMATION TECHNOLOGY**
- **INTERNET AND MULTIMEDIA DEVELOPMENT**
- **MECHANICAL ENGINEERING**
- **NAUTICAL SCIENCE**
- **PENDIDIKAN**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang-bidang yang dinyatakan di atas atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan, dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.6 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.2 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.



ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersetujuan sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.6 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Mempunyaai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi pemohon yang bukan mengikuti Program Pendidikan atau belum mempunyai Sijil Latihan Perguruan / Diploma Pendidikan, sekiranya dilantik ke jawatan ini adalah dikehendaki untuk mengikuti latihan perguruan bagi mendapatkan Sijil Pendidikan Lepasan Ijazah / Diploma Pendidikan / Sijil Latihan Perguruan dalam tempoh percubaan 3 tahun mulai tarikh dilantik ke jawatan ini.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memastikan mencapai piawaian profesional dalam Standard Guru Brunei (*Brunei Teacher Standard*) yang boleh membimbang profesional *learning practice and engagement* dalam mencapai tahap seorang guru yang berkualiti;
2. Bersedia untuk dilantik bagi mengurus kegiatan-kegiatan ko-kurikulum;
3. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pemimpin sekolah atau pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa;
4. Bertanggungjawab dalam mencapai piawaian prestasi pengajaran sebagai salah satu pendekatan bagi peningkatan kerjaya dan perkembangan profesional dan memberi impak kepada pencapaian pelajar ditahap cemerlang.
5. Mengurus pengajaran dan pembelajaran berasaskan kandungan pengajaran dan kaedah yang dirancang dan diteliti bersetujuan mengikut keperluan individu pelajar;
6. Bersedia untuk dilantik bagi memimpin atau mentadbir atau mengurus Jabatan atau Bahagian Sekolah;
7. Mengurus dan mentadbir bilik darjah;
8. Mengurus dan menjaga hal ehwal pelajar;
9. Menjadi tenaga pengajar sepenuh masa dan bersedia bertugas di sekolah-sekolah rendah atau menengah dimana-mana yang ditempatkan seperti Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong atau Daerah Temburong; dan



10. Bersedia untuk memberikan bengkel / seminar (jika diperlukan) berdasarkan kepakaran, kemahiran dan minat masing-masing.